Majlis Daerah Kampar telah disenarai pendek melalui Projek Inovasi i-Sign CSR : Pengurusan Papan Tanda Bersepadu Secara Tanggungjawab Sosial Korporat bagi Penilaian Akhir Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Negeri Perak Tahun 2016. Seramai lima (5) orang ahli panel telah menyertai sesi lawatan ini yang diketuai oleh En. Emy Sazri bin Mohd Isa, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan pada 20 September 2016. Sesi penilaian projek telah dimulai dengan lawatan ke tapak di persimpangan keluar Tol Gopeng. Seterusnya pembentangan projek oleh En. Nor Akmal bin Yang Ghazali selaku Ketua Kumpulan Jade dan disusuli dengan sesi soal jawab oleh pihak panel. Sesungguhnya perkembangan pembudayaan inovasi ini dilihat sebagai suatu yang positif serta dapat meningkatkan perkhidmatan untuk Majlis Daerah Kampar.

**10 NOVEMBER 2016 -**

Projek I-Sign CSR; Pengurusan Papan Tanda Bersepadu Secara Tanggungjawab Sosial Korporat oleh MDKpr telah berjaya menjadi Naib Johan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Negeri Perak Tahun 2016 pada Majlis Perasmian dan Penyampaian Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Ke-29 dan Sambutan HARI Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak 2016 yang telah berlangsung pada 10 November 2016. Sekalung tahniah diucapkan kepada Kumpulan Jade yang telah mengharumkan nama MDKpr melalui kejayaan ini.





**Naib Johan AIPBT 2016**



## Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bersama-sama menjayakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi membantu golongan yang memerlukan di kawasan kawalan MDKpr. Sumbangan Bantuan Baik Pulih Rumah (BPR) disalurkan kepada mereka yang telah berdaftar di bawah Sistem Pengurusan e-Kasih. Sejumlah wang telah diperuntukkan oleh KPKT bagi membantu meringankan beban tanggungan golongan tersebut. Sebanyak 9 KIR yang diluluskan oleh pihak KPKT bagi menerima bantuan baik pulih rumah pada tahun 2016.

Jadual Mesyuarat Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Tahun 2016 :-

| BIL |   | 2016                 |                         |                     |                     |                     |                      |                      |                     |                     |                      |                     |                      |           |  |
|-----|---|----------------------|-------------------------|---------------------|---------------------|---------------------|----------------------|----------------------|---------------------|---------------------|----------------------|---------------------|----------------------|-----------|--|
|     |   | BULAN                |                         |                     |                     |                     |                      |                      |                     |                     |                      |                     |                      |           |  |
|     |   | JAN                  | FEB                     | MAC                 | APRIL               | MEI                 | JUN                  | JULAI                | OGOS                | SEPT                | OKT                  | NOV                 | DIS                  | KEKERAPAN |  |
| 1   |    |                      | 17 & 18<br>8.30<br>Pagi |                     | 18<br>8.00<br>Pagi  | 9<br>10.00<br>Pagi  |                      |                      |                     |                     |                      | 25<br>8.00<br>Pagi  |                      | 4         |  |
| 2   |    | 18<br>2.30<br>Petang |                         |                     |                     |                     | 23<br>2.30<br>Petang |                      |                     |                     | 20<br>2.30<br>Petang |                     |                      | 3         |  |
| 3   |   | 18<br>11.30<br>Pagi  | 15<br>10.00<br>Pagi     | 14<br>9.30<br>Pagi  |                     | 16<br>9.30<br>Pagi  | 6<br>11.20<br>Pagi   | 26<br>2.30<br>Petang | 15<br>10.00<br>Pagi | 26<br>10.00<br>Pagi | 25<br>2.30<br>Petang |                     | 15<br>9.00<br>Pagi   | 10        |  |
| 4   |  | 28<br>11.00<br>Pagi  | 25<br>2.30<br>Petang    | 31<br>11.00<br>Pagi | 28<br>11.00<br>Pagi | 26<br>11.00<br>Pagi | 30<br>11.00<br>Pagi  | 29<br>11.00<br>Pagi  | 30<br>11.00<br>Pagi | 27<br>11.00<br>Pagi | 27<br>11.00<br>Pagi  | 29<br>11.00<br>Pagi | 22<br>3.30<br>Petang | 12        |  |

|  |                    |
|--|--------------------|
|  | PPKB KPKT          |
|  | PPKB NEGERI PERAK  |
|  | FOCUS GROUP NEGERI |
|  | FOCUS GROUP DAERAH |



16 MEI 2016 -

Majlis Daerah Kampar telah mengadakan Lawatan Turun Padang (TURPA) bagi Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar Fasa 1 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang telah diadakan pada 16 Mei 2016 jam 10.00 pagi. Tetamu kehormat yang turut bersama adalah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu iaitu, YB. Dato' Dr. Mah Hang Soon bersama Tuan Yang Dipertua MDKpr, En. Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP. Di samping itu, MDKpr juga telah menjemput Ahli Majlis MDKpr, Ahli MMS MDKpr, dan Pengerusi JPP Zon 8, serta beberapa Pegawai MDKpr untuk tujuan tersebut. Program ini telah melibatkan seorang peserta yang berdaftar dalam e-Kasih bagi bantuan baik pulih rumah yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Adalah diharapkan dengan penerimaan bantuan ini, ianya diharapkan dapat mengurangkan bebanan kepada KIR tersebut.



04 JULAI 2016 -

Majlis Daerah Kampar telah mengadakan Lawatan Turun Padang (TURPA) bagi Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar Fasa 2 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) pada 04 Julai 2016 jam 02.30 petang. Tetamu kehormat yang turut bersama ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak, YB. Dato' Hajah Rusnah Binti Kassim bersama Tuan Yang Dipertua MDKpr, En. Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP bersama Ahli Majlis. Daripada 8 orang peserta yang berdaftar dalam e-Kasih bagi bantuan baik pulih rumah yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sebanyak 2 buah rumah yang telah berkesempatan untuk dilawati seperti berikut :

- i. Pn. Nazihah binti Ahmad  
No. 197, Kg. Tersusun Wah Loong Baru,  
31900 Kampar.
- ii. Pn. Halipah binti Ahmad  
No. 238, Taman Sentosa 3,  
31900 Kampar.



19 JULAI 2016 -

Majlis Daerah Kampar telah mengadakan Lawatan Turun Padang (TURPA) bagi Pemantauan Projek Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar Fasa 2 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) pada 19 Julai 2016. Pemantauan projek dijalankan oleh urus setia Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) daripada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak iaitu En. Ahmad Sakri bin Ismail, Penolong Jurutera JA29 dan dan Pn. Fadeliyaton binti Ramli, Penolong Pegawai Undang-Undang bagi memastikan perjalanan projek yang dijalankan mengikut spesifikasi & garis panduan yang telah ditetapkan. Sebanyak 4 buah rumah daripada 8 buah yang diberi bantuan telah dilawati bagi tujuan ini.



## 'Ini adalah hadiah paling bermakna'



Adun Chenderiang, Datuk Dr Mah Hang Soon (dua, kiri) bertanya sesuatu kepada Nor'aini ketika melawat rumahnya yang siap dibina penuh, kelmarin.

**KUALA DIPANG** - "Ini adalah hadiah paling bermakna buat kami sekeluarga". Luah seorang penerima bantuan baik pulih rumah daif di Perkampungan Tersusun Kuala Dipang, Batu 20, kelmarin.

Nor'aini Alias, 55, yang juga ibu tunggal berkata, dia sememangnya tidak mampu untuk merobik pulih rumahnya kerana tidak bekerja. Menurutnya, dia yang baru kematian suami beberapa tahun lalu sudah menetap di situ sejak 25 tahun. "Sebelum ini, keadaan da-

pur dan tandas rumah kami kurang sempurna kerana kami anak beranak tidak mampu membaiknya.

"Semuanya berubah apabila pihak Majlis Daerah Kampar mengatakan kami layak menerima bantuan baik pulih rumah daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan", katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Khairul Amir Mohamad Zubir berkata, pihaknya menerima 78 permohonan rumah untuk dibina penuh, namun untuk fasa per-

tama hanya sebuah rumah dipilih dan bakal kontraktor terpilih.

Menurutnya, kerja-kerja baik pulih itu melibatkan bahagian dapur, tandas dan kerja-kerja mengcat rumah penerima yang dijangka sejak Mac lalu.

"Nor'aini menerima bantuan baik pulih bernilai RM10,000.

"Selepas ini, kita masih ada lapan penerima dan menunggu peruntukan daripada Kementerian untuk dilaksanakan bagi fasa kedua dalam tahun ini", katanya.



## Hari Terbuka MDKpr

Hari Terbuka MDKpr dengan tema “PBT Di Hati Rakyat” telah diadakan pada 31 Mei 2016. Ianya dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato’ Latipah Bt. Sehibi, Pegawai Daerah Kampar. Hampir 500 orang pengunjung telah hadir dan memeriahkan program Hari Terbuka tersebut. Program ini merangkumi beberapa elemen seperti berikut :

### 1. PAMERAN PELAN TRANSFORMASI PBT DENGAN TEMA “PBT Di Hati Rakyat”

Pelan Transformasi PBT merupakan agenda terbaru Program Transformasi Kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Enam (6) Teras Pelan Transformasi Kerajaan ialah seperti berikut : Pembangunan Modal Insan, Kecekapan Perkhidmatan, Pengukuhan Kewangan, Kesejahteraan Rakyat, Penglibatan Rakyat & Komunikasi Berkesan.

Pameran Pelan Transformasi PBT telah berlangsung di Lobi Kompleks Pentadbiran MDKpr. 200 pengunjung pertama yang mengisi borang maklumbalas telah menerima hadiah istimewa berasaskan ‘*Kempen Pengurangan Polisterina di bawah Inisiatif Kejiranan Hijau MDKpr*’.

### 2. MAJLIS PENUTUP KEMPEN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN MDKpr TAHUN 2016

MDKpr merupakan PBT yang mempunyai Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan yang aktif dan diperakui dengan menerima *Anugerh Cemerlang Kesihatan keselamatan & Pekerjaan Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 kategori Sektor Awam / PBT* pada bulan November 2015. Pengiktirafan ini telah menjadikan MDKpr sebagai sebuah Agensi penanda aras dan satu lawatan telah diterima daripada Jabatan Pertanian Putrajaya pada Hari Terbuka tersebut.

Selanjutnya, Majlis Penutup KEMPEN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN MDKpr TAHUN 2016 telah diadakan berama dengan Perhimpunan Anggota Bil. 5/2016 pada jam 2.30 petang. Majlis Perasmian Penutupan Kempen ini telah disempurnakan oleh Puan Hanisah Bt. Ahmad, Timbalan Pengarah (Khidmat Teknik) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak.

### 3. PELANCARAN KEMPEN SEKILO BUDI SIRI KELIMA

Pada Hari Terbuka ini juga dilancarkan Kempen Sekilo Budi Siri Kelima. Kempen yang diurusetia di bawah Majlis Masyarakat Sivil (MMS) melalui platform Local Agenda 21 MDKpr ini dilaksanakan dengan memberi 1 bag kepada para peserta dan kemudiannya dikembalikan semula oleh mereka yang pemurah dengan berat minima sekilogram bahan makanan halal yang tahan lama. Kesemua sumbangan tersebut akan dikumpul, diselaraskan dan seterusnya diagihkan semula kepada penerima yang dikenalpasti.

### 4. EXPLORASI MDKpr

Para pengunjung Hari Terbuka MDKpr berpeluang untuk mendekati dengan lebih dekat 4 lokasi yang dikenalpasti sebagai identiti unik MDKpr iaitu *Dapur Sekilo Budi, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA), Bangunan RNU (Kitar Semula & Kompos) dan Tandas Awam Kompleks Pentadbiran MDKpr* yang telah berjaya memenangi Pingat Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia Peringkat Kebangsaan 2015.

### 5. Pengisian-pengisian lain :

- 5.1 *Tai Chi bersama Rakan Taman MDKpr daripada Taman Rekreasi Kampar ;*
- 5.2 *Pameran daripada MDKpr (Inovasi & perkongsian pencapaian) & daripada agensi lain seperti PDRM, BOMBA, JPAM, Kesihatan, LPPKN, MAIPk, JKPP, Telekom, PBSM dan agensi swasta ;*
- 5.3 *Penjenamaan semula kenderaan kitar semula dan mural ;*
- 5.4 *Program bersama Port Koloni Karyawan Aman Jaya melibatkan Ngdawiyah Gesture Team & Buskers ;*
- 5.5 *Pertandingan Karaoke Idola Transformasi & Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak ;*
- 5.6 *Tawaran hebat potongan 50% Kompaun letak kereta sahaja ;*



## Lawatan Penanda Arasan Dari Agensi Lain Ke Majlis Daerah Kampar

| BIL         | TARIKH LAWATAN | AGENSI  | AKTIVITI  |
|-------------|----------------|---|---|
| 1           | 21.01.2016     | Majlis Perbandaran Ampang Jaya  | Lawatan Sambil Belajar Mengenai Kitar Semula dan Kompos   |
| 2<br>3<br>4 | 17.02.2016     | Majlis Daerah Batu Gajah<br>Majlis Daerah Tapah<br>Majlis Perbandaran Manjung | Lawatan sambil belajar bagi <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) Penerimaan Permohonan Pemfailan Jadual Petak Darpada Pemaju dan Peraturan Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan 2015)     |
| 5           | 24.03.2016     | Majlis Daerah Tapah   | Perkongsian Persediaan MDKpr bagi Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT)  |
| 6<br>7      | 05.04.2016     | Majlis Bandaraya Ipoh<br>Majlis Perbandaran Manjung                           | Taklimat Inovasi Berkaitan <i>Improvement In Management of Billboard</i> (iMOB)   |
| 8           | 10.05.2016     | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  | Lawatan Sambil Belajar Mengenai Kitar Semula dan Kompos   |
| 9           | 17.05.2016     | Sekolah Menengah Sains, Teluk Intan   | Lawatan Sambil Belajar Mengenai Kitar Semula dan Kompos   |
| 10          | 27.05.2016     | Koperasi Kakitangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu Berhad                       | Lawatan Penanda Arasan Pengurusan Koperasi Majlis Daerah Kampar   |
| 11          | 31.05.2016     | Jabatan Pertanian Malaysia, Putrajaya   | Perkongsian Maklumat dan Informasi Mengenai Dokumentasi & Penggunaan Peralatan Perlindungan Diri Yang Melibatkan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.   |
| 12          | 09.06.2016     | Majlis Perbandaran Taiping  | Lawatan Sambil Belajar Berkaitan Prosedur-Prosedur COB  |
| 13          | 21.07.2016     | Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Perak | Taklimat Pembuatan Baja Kompos Untuk Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 18 Majlis Daerah Perak Tengah   |
| 14          | 17.08.2016     | Lembaga Lebuhraya Malaysia  | Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  |
| 15          | 25.08.2016     | Majlis Daerah Pengkalan Hulu  | Taklimat Perkongsian Pelaksanaan Akta Pengurusan Strata 2013, Peraturan Peraturan Pengurusan Strata 2015 dan Prosedur Kerja   |
| 16          | 08.11.2016     | Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah   | Lawatan Kerja Kumpulan Kerja Inovatif & Kreatif (KIK) Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah ke Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Daerah Kampar, Perak bagi Perkongsian Inovasi |
| 17          | 09.12.2016     | Majlis Perbandaran Kuala Kangsar & Pejabat Tanah Kuala Kangsar                | Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Kangsar bagi Tujuan Pembelajaran Kaedah Program Pemutihan dan Pengurusan Permohonan Papan Iklan (Billboard)  |



JANUARI 2016

| BIL | TARIKH & MASA        | PERKARA   | TEMPAT                                     |
|-----|----------------------|---|--|
| 1.  | 12.1.2016 - 8.30 MLM | PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL & CERAMAH OLEH YBHG DATO' USTAZ KAZIM ELIAS PERINGKAT DUN TUALANG SEKAH | ARENA SQUARE DUN TUALANG SEKAH MALIM NAWAR |
| 2.  | 15.1.2016 - 2.45 PTG | CERAMAH KHAS "SAYA CINTA RASUL" SEMPERNA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1437H                                  | AUDITORIUM MDKPR                           |
| 3.  | 21.1.2016 - 11.00 PG | LAWATAN PENANDA ARASAN / MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA   | PEJABAT MDKPR                              |
| 4.  | 26.1.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.1/2016  | AUDITORIUM MDKPR                           |
| 5.  | 28-29.1.2016         | BENGKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK  | LOST WORLD TAMBUN IPOH                     |

FEBRUARI 2016

|    |                      |  |                                |
|----|----------------------|--|--------------------------------|
| 1. | 1.2.2016 - 9.00 PG   | PERASMIAN PROGRAM VOLUNTEERISM SIRI 5 UTAR                   | UTAR KAMPAR                    |
| 2. | 23.2.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.2/2016                               | AUDITORIUM MDKPR               |
| 3. | 29.2.2016 - 2.30 PTG | MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS SUBRAMANIAM A/L THIAGARAJOO | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |

MAC 2016

|    |                      |  |  |
|----|----------------------|--|--|
| 1. | 4.3.2016 - 2.30 PTG  | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.3/2016   | AUDITORIUM MDKPR                             |
| 2. | 4.3.2016 - 4.30 PTG  | MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KITAR SEMULA BAHAN ELEKTRONIK eWASTE  | GELANGGANG BOLA KERANJANG JALAN BUKIT KAMPAR |
| 3. | 24.3.2016 - 2.30 PTG | LAWATAN PENANDA ARASAN OLEH MAJLIS DAERAH TAPAH – DOKUMENTASI SPB-PBT 2015   | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA               |
| 4. | 25.3.2016 - 2.00 PTG | MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016  | AUDITORIUM MDKPR                             |
| 5. | 27.3.2016 - 9.00 PG  | MAJLIS PELANCARAN KURSUS LATIHAN ASAS BOMBA KOMUNITI TAMAN ANJURAN BERSAMA JPP ZON 1 MAJLIS DAERAH KAMPAR DENGAN PASUKAN BOMBA & PENYELAMAT GOPENG | BALAI BOMBA & PENYELAMAT GOPENG              |

APRIL 2016

|    |                      |  |                       |
|----|----------------------|--|-----------------------|
| 1. | 5.4.2016 - 9.30 PG   | LAWATAN PENANDA ARASAN / MAJLIS BANDARAYA IPOH - iMOB  | PEJABAT MDKPR         |
| 2. | 6.4.2016 - 2.30 PTG  | MAJLIS MENANDATANGANI MOU BERSAMA UTAR                 | AUDITORIUM MDKPR      |
| 3. | 19.4.2016 - 3.30 PTG | MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN SETUJU TERIMA LOT 858 | PEJABAT DAERAH KAMPAR |

MEI 2016

|    |                      |   |                                  |
|----|----------------------|---|----------------------------------|
| 1. | 5.5.2016 - 2.00 PTG  | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.4/2016  | AUDITORIUM MDKPR                 |
| 2. | 10.5.2016 - 11.00 PG | LAWATAN KERJA LA 21 – SESI PROGRAM PERKONGSIAN IDEA & MAKLUMAT ANTARA LA 21 KL BERSAMA KOMUNITI TEMPATAN & MAJLIS DAERAH KAMPAR | PEJABAT MDKPR                    |
| 3. | 12.5.2016 - 9.00 PG  | MAJLIS PENYERAHAN KUNCI ZON 14 JPP KG. TERSUSUN BATU PUTIH  | KG. TERSUSUN BATU PUTIH          |
| 4. | 16.5.2016 - 10.00 PG | LAWATAN TURPA PROJEK BAIK PULIH RUMAH (PPKB) BERSAMA DATO' MAH HANG SOON DI BATU 20, KG. TERSUSUN KUALA DIPANG                  | BARU 20 KG.TERSUSUN KUALA DIPANG |
| 5. | 17.5.2016 - 9.00 PG  | LAWATAN PENANDA ARASAN DARI SEKOLAH MENENGAH SAINS TELUK INTAN – BAJA KOMPOS  | PEJABAT MDKPR                    |
| 6. | 26.5.2016 - 10.00 PG | PROGRAM PENYELESAIAN AKHIR SETINGGAN LABU KUCHI   | SETINGGAN LABU KUCHI             |

MEI 2016

| BIL | TARIKH & MASA        | PERKARA  | TEMPAT                         |
|-----|----------------------|--|--------------------------------|
| 7.  | 27.5.2016 - 9.00 PG  | MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU & MAJLIS DAERAH SELAMA - KOPERASI | PEJABAT MDKPR                  |
| 8.  | 31.5.2016 - 8.00 PG  | PROGRAM HARI TERBUKA PBT DI HATI RAKYAT                        | PEJABAT MDKPR                  |
| 9.  | 31.5.2016 - 11.00 PG | LAWATAN PENANDA ARASAN / JABATAN PERTANIAN MALAYSIA - JKPP     | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 10. | 31.5.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.5/2016                                 | AUDITORIUM MDKPR               |

JUN 2016

|    |                      |   |                                |
|----|----------------------|---|--------------------------------|
| 1. | 2-3.6.2016           | PENGAUDITAN JKPP  | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 2. | 3.6.2016 - 4.45 PTG  | MAJLIS PENUTUP KURUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN   | AUDITORIUM MDKPR               |
| 3. | 9.6.2016 - 9.00 PG   | LAWATAN TURPA DI TAMAN KINTA GOPENG   | TAMAN KINTA GOPENG             |
| 4. | 9.6.2016 - 10.00 PG  | LAWATAN PENANDA ARASAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN TAIPING - COB                            | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 5. | 27.6.2016 - 4.30 PTG | LAWATAN TURPA BAZAR RAMADAN & MAJLIS BERBUKA PUASA                                      | TAPAK BAZAR RAMADAN KAMPAR     |
| 6. | 29.6.2016 - 2.30 PTG | MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & ANUGERAH PERKHIDMATAN TERPUJI 2015 | AUDITORIUM MDKPR               |
| 7. | 29.6.2016 - 3.30 PTG | MAJLIS PENYERAHAN SURAT PERGERAKAN GAJI KEPADA ANGGOTA MDKPR                            | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 8. | 30.6.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.6/2016  | AUDITORIUM MDKPR               |

JULAI 2016

|    |                      |   |                           |
|----|----------------------|---|---------------------------|
| 1. | 4.7.2016 - 2.00 PTG  | PROGRAM TURPA PPKB BERSAMA DATO' RUSNAH KASSIM  | NEW WAH LOONG KAMPAR      |
| 2. | 18.7.2016 - 11.00 PG | MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KAMPAR MAJESTY RIDE 2016 – UTAR   | PERKARANGAN PEJABAT MDKPR |
| 3. | 21.7.2016 - 9.00 PG  | LAWATAN PENANDA ARASAN OLEH JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP) ZON 18 MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH – TAKLIMAT PEMBUATAN BAJA KOMPOS | PEJABAT MDKPR             |
| 4. | 22.7.2016 - 10.00 PG | TEMUBUAL BERSAMA NIOSH (KAJIAN PENAMBAHBAIKAN KKP BAGI MEMPERKASAKAN PERANAN MAJIKAN UTAMA DALAM PELAKSANAAN KKP DI MALAYSIA          | PEJABAT MDKPR             |
| 5. | 23.7.2016 - 5.30 PTG | MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM PEMBUANGAN EMOSI & ANJAKAN MINDA SERTA PEMANTAPAN UPSR SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPAR 2016                | SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPAR |
| 6. | 29.7.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.7/2016  | AUDITORIUM MDKPR          |
| 7. | 29.7.2016 - 3.00 PTG | SAMBUTAN AIDILFITRI MAJLIS DAERAH KAMPAR 2016   | DEWAN BANDARAN KAMPAR     |

OGOS 2016

|    |                      |  |                                     |
|----|----------------------|--|-------------------------------------|
| 1. | 16.8.2016 - 8.30 PG  | MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT KEPADA PENGUATKUASA  | PERKARANGAN PEJABAT MDKPR           |
| 2. | 17.8.2016 - 11.00 PG | LAWATAN PENANDA ARASAN OLEH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA - KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) | PEJABAT MDKPR                       |
| 3. | 19.8.2016 - 3.00 PTG | KUNJUNGAN HORMAT YB DATO' LEE CHEE LEONG – BERSAMA MCA   | PEJABAT MDKPR                       |
| 4. | 24.8.2016 - 5.15 PTG | MAJLIS HI-TEA ANJURAN BAKEB  | RUMAH REHAT KAMPAR                  |
| 5. | 25.8.2016 - 9.00 PTG | LAWATAN PENANDA ARASAN / MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU - COB                                      | PEJABAT MDKPR                       |
| 6. | 26.8.2016 - 9.00 PG  | INISIATIF KEJIRANAN HIJAU – PEKEBUNAN BANDAR (MAJLIS MENABUR BENIH)                              | PERKARANGAN SPAH MDKPR (KEBUN AGRO) |
| 7. | 29.8.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.8/2016   | AUDITORIUM MDKPR                    |

SEPTEMBER 2016

| BIL | TARIKH & MASA        | PERKARA  | TEMPAT           |
|-----|----------------------|--|------------------|
| 1.  | 1.9.2016 - 2.00 PTG  | MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.9/2016<br>(MAJLIS PENYERAHAN SIJIL OHSAS) | AUDITORIUM MDKPR |
| 2.  | 9.9.2016 - 2.30 PTG  | MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN SEKILO BUDI KEPADA ANGGOTA MDKPR            | LOBI MDKPR       |
| 3.  | 20.9.2016 - 3.00 PTG | SESI PENILAIAN AKHIR ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN            | CASSIA BIFLORA   |
| 4.  | 28.9.2016 - 8.00 PG  | INSPEKTORAT KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN                                | CASSIA BIFLORA   |
| 5.  | 30.9.2016 - 5.15 PTG | MAJLIS BACAAN YASIN  | AUDITORIUM MDKPR |

OKTOBER 2016

|     |                       |   |                        |
|-----|-----------------------|---|------------------------|
| 1.  | 5.10.2016 - 9.00 PG   | LAWATAN TAPAK PROGRAM PENGHARGAAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2016  | MDKPR                  |
| 2.  | 7.10.2016 - 10.00 PG  | PENILAIAN AKHIR ANUGERAH TANDAS BERSIH 1 MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016   | MDKPR                  |
| 3.  | 9.10.2016 - 7.30PG    | PROGRAM HARI SUKAN NEGARA 2016 PERINGKAT JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK   | PADANG BADNARAN KAMPAR |
| 4.  | 10.10.2016 - 2.30 PTG | PENYERAHAN SURAT IKATAN PENYELESAIAN SETINGGAN LABU KUCHI DAN PERBINCANGAN BERKAITAN PERJANJIAN USAHASAMA ANTARA MDKPR & DASAR AFDAL (PK) S/B | CASSIA BIFLORA         |
| 5.  | 19.10.2016 - 2.30 PTG | CERAMAH KHAS MAAL HIJRAH PERINGKAT MDKPR  | AUDITORIUM             |
| 6.  | 21.10.2016 - 8.30 PG  | HARI PENUAIAN KALI PERTAMA KEBUN KEJIRANAN MDKPR  | KEBUN MDKPR            |
| 7.  | 26.10.2016 - 11.30 PG | MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA ANTARA MDKPR DENGAN DASAR AFDAL SDN. BHD.  | AUDITORIUM             |
| 8.  | 26.10.2016 - 2.30 PTG | TAKLIMAT ISU MILITAN NEGERA ISLAM (IS) KEPADA KETUA JABATAN DAN PENJAWAT AWAM DAERAH KAMPAR   | AUDITORIUM             |
| 9.  | 27.10.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.10/2016   | AUDITORIUM             |
| 10. | 28.10.2016 - 7.30 PG  | PROGRAM RAKAN TAMAN BERSAMA KELAB AHLI MAJLIS   | TAMAN REKREASI KAMPAR  |

NOVEMBER 2016

|    |                       |   |                                |
|----|-----------------------|---|--------------------------------|
| 1. | 8.11.2016 - 9.00 PG   | MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BHARU TENGAH (PEMUTIHAN BILLBOARD)                             | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 2. | 29.11.2016 - 2.00 PTG | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 11/2016  | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 3. | 30.11.2016 - 10.30 PG | MAJLIS MENANDATANGANI SURAT KUASA WAKIL DARIPADA MDKPR KEPADA DASAR AFDAL (PK) SDN. BHD | BILIK MESYUARAT HIBISCUS       |
| 4. | 30.11.2016 - 3.00 PTG | PERJUMPAAN DENGAN SOCCER KIDS   | CAFE MDKPR                     |

DISEMBER 2016

|    |                       |  |                                |
|----|-----------------------|--|--------------------------------|
| 1. | 5.12.2016 - 10.00 PG  | MAJLIS PENYERAHAN TABUNG HARI PAHLAWAN   | BILIK MESYUARAT HIBISCUS       |
| 2. | 8.12.2016 - 8.30 PG   | PERIHAL PENANAMAN BATCH KEDUA KEBUN KEJIRANAN HIJAU MDKPR                                    | KEBUN KEJIRANAN HIJAU MDKPR    |
| 3. | 8.12.2016 - 2.00 PTG  | MAJLIS PENYAMPAIN TAKLIMAT & PEMBERIAN SURAT TAWARAN KERJA KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN MDKPR | BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA |
| 4. | 9.12.2016 - 9.30 PG   | PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL.12/2016  | AUDITORIUM MDKPR               |
| 5. | 27.12.2016 - 2.00 PTG | MAJLIS PENYERAHAN TABUNG HARI PAHLAWAN   | BILIK MESYUARAT HIBISCUS       |

*Penerbitan Buletin Cassia  
Bil 1/2016 (Januari-Juni)*



*Penerbitan Buletin Cassia  
Bil 2/2016 (Julai-Disember)*



# Jabatan Khidmat, Pengurusan

## Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia



**RAHIMAH BT. RAHIM**  
PENOLONG PEGAWAI  
TADBIR N29

# CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH KAMPAR

Pindaan Pada 4.11.2015  
Ikut Waran JPA

JUMLAH : 267 ORANG  
(Termasuk 1 OSC - Pinjaman)




**YANG DIPERTUA N52**  
Khairul Amir B. Mohamad Zubir, AMP.

SETIAUSAHA PEJABAT  
N19/N22/N29/N32

AHLI MAJLIS



**SETIAUSAHA N48**  
Nor Akmal B. Yang Ghazali



## *Objektif Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia*

- Mewujudkan tenaga kerja mahir, berdisiplin dan berhemah tinggi dengan pemantauan, pelaksanaan dan tindakan tatatertib yang berterusan.
- Memastikan urusan dan rekod perkhidmatan anggota sentiasa dikemaskini supaya anggota tidak mengalami masalah di masa-masa yang akan datang.
- Memastikan Majlis Daerah Kampar seiring dengan Perkhidmatan Awam lain dalam pematuhan arahan dan pekeliling semasa.
- Memberi semangat dan motivasi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dengan pemberian kenaikan pangkat kepada anggota dengan adil dan saksama.
- Mengutamakan kebajikan anggota dengan pemberian anugerah dan pengiktirafan selaras dengan kehendak kerajaan.
- Mewujudkan suasana kerja yang harmoni dengan melaksanakan pusingan tempat kerja sesuai dengan kebolehan dan minat.
- Melaksanakan penstrukturan semula jabatan mengikut keperluan semasa.
- Melengkapkan anggota dengan pengetahuan yang mencukupi mengenai teknik pengurusan terkini melalui latihan, kursus, seminar dan bengkel.

## *Fungsi Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia* *Merangkumi Pengurusan Kakitangan, Rekod dan Pasca Perkhidmatan.*

### 1. PENGURUSAN KAKITANGAN

Mengurus pelantikan dan penempatan kakitangan. Seksyen ini juga menguruskan perkhidmatan yang melibatkan permohonan peletakan jawatan, kebenaran lawatan ke luar negara. Urusan tanggung kerja dan lain-lain. Seksyen ini juga menyemak dan menerima pakai pekeliling dan arahan-arahan jabatan, menguruskan pembiayaan perubatan, urusan cuti dan urusan menduduki rumah kerajaan. Ia juga menguruskan kakitangan yang telah memenuhi syarat pengesahan dalam jawatan dan kemasukan dalam perjawatan berpencen. Perlanjutan tempoh percubaan dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan perkhidmatan.

### 2. PENGURUSAN REKOD

Menguruskan buku rekod perkhidmatan iaitu Buku Am 274 ianya merekodkan maklumat peribadi, perkhidmatan, cuti dan kelakuan untuk setiap pegawai awam. Urusan rekod fail peribadi dan fail-fail sulit.

3. **PENGURUSAN PASCA PERKHIDMATAN**  
Menguruskan persaraan semua anggota sektor awam. Memproses dokumen pencen persaraan untuk anggota yang bersara wajib, bersara pilihan sendiri, pencen terbitan (meninggal) dan persaraan atas sebab kesihatan. Dokumen persaraan bagi anggota yang bersara wajib akan diproses empat bulan sebelum bersara, Seksyen Pasca Perkhidmatan ini juga berperanan memproses gantian cuti rehat dan juga bayaran pengurusan jenazah.
4. **PENGURUSAN TATATERTIB**  
Pengurusan Tatatertib adalah satu komitmen kerajaan untuk memastikan semua kakitangan kerajaan mematuhi semua peraturan dan prosedur serta tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Kaedah-Kaedah Pegawai Awam (Majlis Daerah Kampar) (Kelakuan dan Tatatertib) 2014. Pelan Perancangan Pengurusan Tatatertib menetapkan Lembaga Tatatertib akan bersidang sebanyak 4 kali setahun bagi membuat keputusan mengenai salah laku pegawai dan kakitangan.
5. **PENGURUSAN KENAIKAN PANGKAT**  
Pemberian kenaikan pangkat kepada pegawai dan kakitangan adalah sebagai suatu motivasi kepada pegawai dan kakitangan supaya sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan awam.
6. **PENGURUSAN PERISYTIHARAN HARTA**  
Majlis Daerah Kampar menetapkan bahawa semua pegawai dan kakitangan dikehendaki mengisytiharkan secara bertulis segala harta yang dimiliki sama ada oleh dirinya, suami atau isteri, anak atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihak dirinya atau bagi pihak isteri atau suami atau anaknya dalam tempoh lima tahun sekali. Semakan akan dibuat dari masa ke masa.
7. **PENGURUSAN PERJAWATAN**  
Penstrukturan semula perjawatan adalah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi. Pengstrukturkan semula ini bergantung kepada kelulusan JPA. Peranan unit ini adalah untuk mengkaji dan seterusnya mengemukakan kelulusan daripada JPA.  
  
Keperluan untuk penyusunan semula organisasi bergantung kepada :
  - Keputusan kerajaan;
  - Perubahan objektif organisasi;
  - Pertambahan / pengurangan fungsi dan tanggungjawab organisasi;
  - Pertambahan / pengurangan program atau aktiviti;
  - Perpindahan program atau aktiviti ke luar / dalam organisasi; dan
  - Pertambahan / pengurangan beban/kompleksiti tugas.
8. **PENGURUSAN HRMIS**  
HRMIS adalah sistem pengurusan sumber manusia sektor awam yang bersepadu, komprehensif dan berteraskan kompetensi bermula dari proses perancangan strategik tenaga manusia dan pengambilan pegawai (Competency Owner) sehingga pegawai bersara. Objektifnya membolehkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz perkhidmatan awam yang berkesan melalui maklumat sumber manusia yang lengkap. Mengautomatiskan proses-proses operasi pengurusan sumber manusia.
9. **PENGURUSAN LATIHAN**  
Memastikan keperluan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam tercapai iaitu menyediakan keperluan latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi lebih 200 pegawai dan kakitangan MDKPR. Bertanggungjawab bagi memastikan hasrat kerajaan untuk memberi penekanan secara berterusan terhadap pembangunan modal insan dan meningkatkan kompetensi kakitangan sektor awam dicapai sepenuhnya. Merancang, mengatur dan menguruskan kursus, bengkel, seminar yang dianjurkan sendiri secara dalaman dan menggalakkan pegawai dan kakitangan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh lain-lain agensi.



## *Aktiviti Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia*

| BIL. | AKTIVITI  | BILANGAN  | TARIKH                |
|------|---|-----------|-----------------------|
| 1    | Sewa Auditorium   | 7 kali    | Feb - Dis. 2016       |
| 2    | Tapisan Keselamatan   | 161 orang | Jan - Dis 2016        |
| 3    | Kemaskini Rekod Cuti e-Hadir  | 247       | Jan - Dis 2016        |
| 4    | Ujian Saringan Pengesanan Dadah Siri 1                                | 199 orang | 26.4.2016             |
|      | Ujian Saringan Pengesanan Dadah Siri 2                                | 43 orang  | 27.10.2016            |
| 5    | Pelaksanaan Audit Nilai   | 236 orang | 16.4.2016 - 25.5.2016 |
|      | Pelaksanaan Borang Soal Selidik Kepuasan Bekerja                      | 250 orang | 20.1.2016 - 5.2.2016  |
| 6    | Pemeriksaan Kesihatan 40 Tahun  | 37 orang  | 15.2.2016 - 25.2.2016 |
| 7    | Semak Buku Perkhidmatan   | 56 orang  | Jan - Dis 2016        |
| 8    | Kursus Keselamatan di Pusat Latihan Keselamatan Bandar Enstek, Nilai. | 17 orang  | Jan - Dis 2016        |
| 9    | Kursus Undang-Undang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia       | 30 orang  | 6.1.2016              |
| 10   | Kursus Kemahiran Audit Dalaman Efektif OHSAS 18001:2007               | 12 orang  | 28.3.2016             |
| 11   | Pelupusan Rekod Jabatan (Arkib Negara)                                | sekali    | 1.4.2016              |
| 12   | Orientasi Anggota Baru Majlis Daerah Kampar                           | 20 orang  | 4.4.2016 - 7.4.2016   |
| 13   | Kursus Anggota Baru Majlis Daerah Kampar                              | 21 orang  | 8.4.2016              |
| 14   | Taklimat Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Kampar 2014              | 190 orang | 14.4.2016             |
| 15   | Kursus Penulisan Surat, Memo & Minit Mesyuarat Berkualiti             | 38 orang  | 3.5.2016 - 4.5.2016   |
| 16   | Taklimat Pemanduan Selamat  | 28 orang  | 17.5.2016             |
| 17   | Kursus Pertolongan Cemas Lanjutan                                     | 9 orang   | 23.5.2016 - 26.5.2016 |
| 18   | Latihan Pemulihan Pendengaran & Peranti Perlindungan Diri             | 23 orang  | 23.5.2016             |
| 19   | Ceramah Keluarga Bahagia, Hidup & Sejahtera                           | 30 orang  | 25.8.2016             |
| 20   | Kursus Pengacaraan Majlis di DHotel Seri Iskandar                     | 14 orang  | 21.9.2016 - 23.9.2016 |

## Mesyuarat

| BIL. | MESYUARAT                                      | BILANGAN  | TARIKH     |
|------|--|-----------|------------|
|      |  | MESYUARAT |            |
| 1    | Mesyuarat Lembaga Lantikan & Kenaikan Pangkat  | 1/2016    | 13.01.2016 |
|      |  | 2/2016    | 11.04.2016 |
|      |  | 3/2016    | 23.08.2016 |
|      |  | 4/2016    | 9.11.2016  |
| 2    | Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib (YDP)        | 1/2016    | 13.01.2016 |
|      |  | 2/2016    | 23.08.2016 |
|      |  | 4/2016    | 09.11.2016 |
| 3    | Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib (SU)         | 3/2016    | 23.08.2016 |
| 4    | Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan     | 1/2016    | 09.03.2016 |
|      |  | 2/2016    | 09.06.2016 |
|      |  | 3/2016    | 18.10.2016 |
| 5    | Mesyuarat Jawatankuasa Personal & Perkhidmatan | 1/2016    | 25.03.2016 |
|      |  | 2/2016    | 03.08.2016 |
|      |  | 3/2016    | 04.10.2016 |
| 6    | Mesyuarat Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus | 1/2016    | 25.03.2016 |
|      |  | 2/2016    | 03.08.2016 |
|      |  | 3/2016    | 13.12.2016 |
| 7    | Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan               | 1/2016    | 09.03.2016 |
|      |  | 2/2016    | 16.06.2016 |
|      |  | 3/2016    | 14.09.2016 |
|      |  | 4/2016    | 08.11.2016 |

## Senarai Perjawatan, Pengisian & Kekosongan

| BIL. | KATEGORI                          | PERJAWATAN | PENGISIAN  | KEKOSONGAN |
|------|-----------------------------------|------------|------------|------------|
| 1    | KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL | 8          | 6          | 2          |
| 2    | KUMPULAN PELAKSANA 1              | 94         | 82         | 12         |
| 3    | KUMPULAN PELAKSANA 11             | 164        | 160        | 4          |
| 4    | LANTIKAN KEMENTERIAN              | 1          | 1          | 0          |
| 5    | KAKITANGAN KONTRAK                | 0          | 0          | 0          |
| 6    | SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT         | 2          | 2          | 0          |
|      | JUMLAH                            | <b>269</b> | <b>251</b> | <b>18</b>  |

## Perjawatan Mengikut Kaum & Jantina

| BIL.          | JAWATAN                   | GRED  | KAUM       |          |           |           | JANTINA    |           |
|---------------|---------------------------|-------|------------|----------|-----------|-----------|------------|-----------|
|               |                           |       | MELAYU     | CINA     | INDIA     | LAIN2     | LELAKI     | WANITA    |
| 1             | KUMPULAN P & P            | 41-54 | 5          | 1        | -         | -         | 5          | 1         |
| 2             | KUMPULAN PELAKSANA I      | 17-40 | 80         | 0        | 2         | 0         | 51         | 31        |
| 3             | KUMPULAN PELAKSANA II     | 1-16  | 130        | 1        | 17        | 11        | 149        | 10        |
| 4             | LANTIKAN KEMENTERIAN      | -     | 1          | -        | -         | -         | -          | 1         |
| 5             | KAKITANGAN KONTRAK        | -     | -          | -        | -         | -         | -          | -         |
| 6             | SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT | -     | 2          | -        | -         | -         | 2          | -         |
| <b>JUMLAH</b> |                           |       | <b>218</b> | <b>2</b> | <b>19</b> | <b>11</b> | <b>207</b> | <b>43</b> |

## Status Pengemaskinian Data HRMIS

| BIL. | PERKARA               | BIL. KAKITANGAN | BIL. PENYELESAIAN | PERATUS PENYELESAIAN % |
|------|-----------------------|-----------------|-------------------|------------------------|
| 1    | SASARAN KERJA TAHUNAN | 244             | 244               | 100                    |
| 2    | PENGISYTIHARAN HARTA  | 244             | 244               | 100                    |
| 3    | DATA TAK BERINTEGRITI | 244             | 244               | 100                    |
| 4    | DATA SEJARAH CUTI     | 244             | 150               | 61                     |

## Bilangan Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | JENIS HUKUMAN |       |                             |                    |                                 |                     |               |             |                         |   | BILANGAN PEGAWAI TERLIBAT |
|-----------------------|---------------|-------|-----------------------------|--------------------|---------------------------------|---------------------|---------------|-------------|-------------------------|---|---------------------------|
|                       | AMARAN        | DENDA | AMARAN & LUCUT HAK EMOLUMEN | LUCUT HAK EMOLUMEN | AMARAN & HENTIKAN KENAIKAN GAJI | AMARAN & TURUN GAJI | TURUN PANGKAT | BUANG KERJA | TIDAK DIKENAKAN HUKUMAN | TAMATKAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM |                           |
| P & P                 | -             | -     | -                           | -                  | -                               | -                   | -             | -           | -                       | -   | -                         |
| PELAKSANA             | -             | -     | 2                           | -                  | -                               | -                   | -             | 3           | -                       | -   | 5                         |
| JUMLAH                | -             | -     | 2                           | -                  | -                               | -                   | -             | 3           | -                       | -   | 5                         |

## Laporan Perjawatan & Perkhidmatan Anggota

| IKLAN JAWATAN | JAWATAN DIIKLANKAN | TEMUDUGA | PENGISIAN JAWATAN | SAH JAWATAN |
|---------------|--------------------|----------|-------------------|-------------|
| 2             | 8                  | 6        | 28                | 4           |

| JAWATAN BERPENCEN | KENAIKAN PANGKAT | TANGGUNG KERJA | MEMANGKU KERJA | BERSARA |         |
|-------------------|------------------|----------------|----------------|---------|---------|
|                   |                  |                |                | WAJIB   | PILIHAN |
| 4                 | 2                | 4              | 2              | 3       | 6       |

## Pengisian Jawatan / Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

| KUMPULAN PROFESIONAL<br>GRED 41 - 54 | KUMPULAN PELAKSANA I<br>GRED 17 - 40 | KUMPULAN PELAKSANA II<br>GRED 1 - 16 |
|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| -                                    | 11                                   | 17                                   |

## Laporan Cuti Anggota

| JENIS CUTI |            |             |                 |
|------------|------------|-------------|-----------------|
| SAKIT      | TANPA GAJI | TANPA REKOD | TANPA KEBENARAN |
| 156        | 2          | 13          | 5               |

# PENGURANGAN PENGGUNAAN BEKAS POLISTERINA



## Bebas beg plastik, polisterin tahun depan

19 April 2016 12:28 AM

Share Tweet Google



Muhammad Amin

**IPOH 18 April** – Kerajaan negeri mengumumkan larangan penggunaan beg plastik dan bekas polisterina berkuat kuasa pertengahan tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Muhammad Amin Zakaria berkata, mulai Jun tahun depan, penggunaan kedua-dua bahan itu dilarang sepenuhnya di semua premis kerajaan negeri dan Persekutuan, pasar raya dan kedai runcit.

Menurut beliau, sebagai langkah permulaan, larangan peringkat pertama akan dikuatkuasakan pada Jun depan di kafeteria di bangunan-bangunan kerajaan negeri pada setiap hari Jumaat.

Beliau berkata, sepanjang tempoh tersebut, penyedia makanan digalakkan menyajikan makanan secara bufet atau menggunakan bekas daripada bahan yang boleh diurai.

## PELUPUSAN TERATUR SISTEM ELEKTRONIK e-WASTE



# Jabatan Khidmat Pengurusan

## Bahagian Penguatkuasaan



**YUNUS B. HARUN**  
PENOLONG PEGAWAI  
PENGUATKUASA KP29/KP32

## 1. *Laporan Bahagian Penguatkuasaan*

Sepanjang tahun 2016, penugasan Pembantu Penguatkuasa telah dipecahkan seperti berikut:

|     |                        |   |   |
|-----|------------------------|---|---|
| 1.1 | Kumpulan Satu          | - | 3x Pembantu Penguatkuasa<br>1x Pemandu<br>1x Pekerja Awam                           |
